## 2.4 PRESTASI CALON BAHAGIAN B

### 2.4.1 Prestasi Keseluruhan

Sebahagian besar calon dapat menjawab tugasan dengan baik. Calon dapat menyampaikan, menghuraikan dan mengolah idea dengan jelas. Calon juga berjaya membuktikan kemampuan dan kebolehan menghasilkan karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan. Calon juga dapat mengemukakan contoh yang sesuai. Hal ini menunjukkan bahawa calon mempunyai pengetahuan yang luas berkaitan dengan tugasan soalan.

### 2.4.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

**Kumpulan Prestasi Tinggi**

Calon menjawab tugasan. Calon mampu menghuraikan idea dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis dan kosa kata yang luas serta tepat. Gaya bahasa yang digunakan juga menarik daripada aspek keindahan bahasa, di samping penggunaan ungkapan yang menarik untuk mengukuhkan huraian idea. Penggunaan unsur bahasa bervariasi serta laras bahasa sesuai dengan tugasan. Penggunaan tanda baca tepat dan sesuai serta kesalahan bahasa minimum. Pengolahan sangat menarik dan berkesan. Pemerengganan karangan juga sesuai.

**Kumpulan Prestasi Sederhana**

Calon masih menjawab tugasan. Huraian idea calon masih jelas disertakan dengan contoh yang masih sesuai. Calon menggunakan ayat yang masih gramatis dan kosa kata umum. Gaya bahasa yang digunakan daripada aspek keindahan bahasa masih menarik, di samping penggunaan ungkapan masih berkesan. Laras bahasa yang digunakan masih sesuai dengan kehendak tugasan. Penggunaan tanda baca masih tepat dan sesuai serta kesalahan bahasa minimum. Pengolahan masih menarik sementara pemerengganan masih sesuai.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

Sejak belakangan ini, kes remaja dilaporkan lari dari rumah mendadak naik hingga ke tahap yang membimbangkan. Ketua Penolong Pengarah bahagian siasatan seksual, wanita dan kanak-kanak (D11) Bukit Aman, Asisten komisioner siti kamsiah Hassan melaporkan bagi tempoh tiga tahun antara 2019 hingga 2022, sejumlah 1168 orang atau 32.54 peratus daripada 3589 kes remaja lari dari rumah dilaporkan. Perkara ini sangat membimbangkan masyarakat seluruh jagatraya khususnya ibu bapa. Oleh itu, pelbagai pihak perlulah mengambil inisiatif dalam mencegah hal ini sebelum menjadi duri dalam daging. Namun, apakah faktor-faktor yang mendorong golongan belia terjebak dalam ~~kanc~~ permasalahan ini? Mari kita rungkai satu demi satu tentang faktor remaja lari dari rumah.

Berdasarkan indikator utama, sudah terang lagi bersuluh, tekanan hidup mendesak berlakunya perkara tersebut. Faktor ekonomi keluarga yang tidak stabil menyebabkan ibu bapa tidak dapat memberikan kehidupan yang selesa kepada anak-anak. Misalnya, ibu bapa tidak dapat menyediakan kediaman yang mewah dan kondusif menjadikan remaja sering menjadi bahan ejekan di sekolah. Hal ini membawa kepada tekanan emosi dan akhirnya remaja memilih untuk keluar dari rumah. Pada kaca mata yang berbeza, ekspetasi yang berlebihan dari ibu bapa juga mendorong kepada permasalahan ini. Sebagai contoh, ibu bapa mendesak anak mereka untuk menjadi yang terbaik di sekolah tanpa mempedulikan

remaja ke dalam jurat mereka. Filem-filem yang memaparkan kebaikan apabila keluar dari rumah turut menjadi salah satu punca akan perkara ini. Sifat ingin tahu remaja serta sokongan daripada rakan sebaya meningkatkan keyakinan diri mereka untuk mencuba perkara baru dan bebas daripada pengawasan ibu bapa. Natijahnya, remaja boleh terjebak dengan pelbagai kes jenayah seperti kelalai dadah, pemerdagangan orang serta penculikan. Jelaslah bahawa pengaruh media massa dan rakan sebaya memberi pelbagai impak negatif kepada remaja.

Intihanya, tekanan hidup, kurang perhatian ibu bapa, pengaruh luar merupakan antara faktor yang dapat mencetuskan permasalahan ini. Oleh itu, dalam usaha membentuk Malaysia yang mampan, semua pihak seharusnya seyogia digembleng dalam menjayakan hasrat dan cita-cita ini kerana bersatu teguh bercerai roboh. Semoga Malaysia menjadi negara yang mampan, aman, maju dan bebas dari jenayah.

Pada bahagian **pengenalan**, calon dapat memahami tugasan soalan iaitu menghuraikan faktor-faktor berlakunya kes remaja lari dari rumah kecuali faktor yang dinyatakan dalam petikan iaitu ingin mencari kebebasan.

Pada bahagian **huraian idea**, calon menjawab tugasan iaitu menghuraikan faktor-faktor berlakunya kes remaja lari dari rumah kecuali faktor yang dinyatakan dalam petikan iaitu ingin mencari kebebasan.

Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis. Contohnya, *"Perkara ini sangat membimbangkan masyarakat seluruh jagatraya khususnya ibu bapa. Oleh itu, pelbagai pihak perlulah mengambil insiatif dalam mencegah hal ini sebelum menjadi duri dalam daging."*

Kosa kata yang digunakan juga luas dan tepat. Gaya bahasa yang digunakan menarik daripada aspek keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan menarik yang tepat, contohnya, *membimbangkan masyarakat seluruh jagatraya.* Penggunaan peribahasa yang tepat, contohnya, *sebelum menjadi duri dalam daging dan persis melentur buluh biarlah dari rebungnya*. Penggunaan unsur bahasa bervariasi manakala laras bahasa sesuai dengan tugasan. Penggunaan tanda baca juga tepat.

Pengolahan calon juga sangat menarik dan berkesan. Calon menggunakan pemerengganan yang seimbang dan lengkap dari segi perenggan pengenalan, perenggan idea dan perenggan penutup.

Pada bahagian **penutup**, calon berupaya menulis kesimpulan yang mantap dengan merumuskan faktor remaja lari dari rumah. Selain itu, calon mengukuhkan kesimpulan dengan memberikan cadangan dan harapan berkaitan isu yang dibincangkan.

Pada era globalisasi ini, masyarakat kini telah mengemukakan salah satu isu yang telah berlarutan sejak beberapa tahun ~~lalu~~ iaitu isu barangan tiruan seperti kosmetik, ubat-ubatan dan barangan elektronik. Hal ini demikian kerana barangan tersebut merupakan barang yang mudah ditiru walaupun tidak mempunyai kemahiran. Hal ini dikatakan kerana barangan tersebut boleh menjana pendapatan yang tinggi kepada penjual. Bukan itu sanaja, kemajuan teknologi yang semakin canggih juga merupakan salah satu sebab barangan tersebut mudah ditiru. Oleh itu, barangan tiruan tersebut telah memberi pelbagai kesan kepada pengguna dan juga negara. Persoalannya, apakah kesan-kesan tersebut?

Kesan yang datang daripada barangan tiruan kepada pengguna ialah kesihatan pengguna terjejas. Hal ini demikian kerana barangan tiruan seperti kosmetik dan ubat-ubatan mengandungi bahan kimia yang berbahaya. Hal ini juga demikian kerana pengguna tidak memastikan keaslian barangan tersebut yang menyebabkan pengguna membeli barangan tiruan. Sebagai contoh, barangan kosmetik yang dijual di pasaran mungkin mengandungi bahan kimia yang berbahaya seperti merkuri. Tamsilnya juga, ubat-ubatan yang dijual akan mengakibatkan kesihatan seseorang semakin teruk akibat bahan-bahan yang terkandung dalam ubat tersebut. Kesannya, pengguna akan mengalami masalah kulit seperti jerawat apabila memakai barang tiruan tersebut dan pengguna yang membeli ubat-ubatan tiruan juga akan mengalami penyakit seperti kerosakkan buah pinggang dan batuk berdarah. Jelaslah bahawa barangan tiruan mampu menjejaskan

Pada bahagian **pengenalan,** calon dapat menjawab tugasan berkaitan kesan-kesan negatif kebanjiran barangan tiruan kepada pengguna dan negara.

Pada bahagian **huraian idea**, calon menjawab tugasan iaitu menghuraikan kesan-kesan negatif kebanjiran barangan tiruan kepada pengguna dan negara.


Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis seperti "*Hal ini juga dikatakan demikian kerana barangan tiruan seperti barangan elektronik tidak boleh digunakan untuk jangka masa panjang akibat menggunakan komponen yang tidak berkualiti".*

Kosa kata yang digunakan juga luas dan tepat. Gaya bahasa yang digunakan menarik dari aspek keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan menarik yang tepat, contohnya, "*Hal ini juga agar Malaysia mampu memajukan negara setaraf dengan negara lain seperti Jepun. Senario ini menggambarkan pepatah Melayu iaitu duduk sama rendah, berdiri sama tinggi*".

Penggunaan unsur bahasa bervariasi manakala laras bahasa sesuai dengan tugasan. Penggunaan tanda baca juga tepat. Pengolahan calon juga menarik dan berkesan. Calon menggunakan pemerengganan yang seimbang dan lengkap dengan perenggan pengenalan, perenggan idea dan perenggan penutup.

Pada bahagian **penutup,** calon menulis kesimpulan yang mantap dengan menyatakan harapan agar Malaysia dapat mengatasi kesan-kesan negatif kebanjiran barangan tiruan kepada pengguna dan negara.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana


Pada era dunia tanpa sempadan, terdapat ramai individu yang tidak bertanggungjawab masih mengeluarkan barangan tiruan untuk mengaut keuntungan orang lain. Sudah terang lagi bersuluh bahawa lambakan barangan tiruan memberikan pelbagai kesan negatif kepada pengguna dan negara. Persoalannya, apakah kesan negatif yang diperoleh apabila lambakan barangan tiruan ini terus berkelalan?

**Soalan 4**


Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Kementerian Belia dan Sukan, hanya 40 peratus daripada jumlah penduduk negara ini yang mengamalkan gaya hidup sihat, iaitu membudayakan sukan dalam kehidupan. Peratusan ini masih rendah berbanding dengan pelibatan rakyat di negara maju walhal amalan bersukan ini dapat menghindarkan pelbagai masalah kesihatan. Kesibukan bekerja dikatakan salah satu punca rakyat Malaysia tidak membudayakan amalan bersukan.

Sumber : Dewan Budaya, Bil.6 / 2018

Huraikan punca yang dinyatakan dalam petikan berserta punca-punca lain rakyat Malaysia kurang membudayakan amalan tersebut.

Calon dikehendaki menghuraikan punca yang terdapat dalam petikan berserta punca-punca lain rakyat Malaysia tidak membudayakan amalan bersukan iaitu kesibukan bekerja dan idea-idea yang lain.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**



Punca - punca Rakyat Malaysia Kurang Membudayakan Amalan Bersukan

Pada era globalisasi ini, amalan bersukan semakin dipinggirkan dalam kalangan masyarakat Malaysia walaupun pelbagai inisiatif telah diusahakan oleh pihak kerajaan bagi memperkasakan budaya ini. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Kementerian Belia dan Sukan, hanya 40 peratus daripada keseluruhan penduduk negara kita yang sering mempraktikkan gaya hidup sihat dalam kehidupan mereka. Tidak dinafikan lagi peratusan ini masih rendah untuk duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara maju yang lain seperti China dan Jepun. Namun begitu, amalan ini wajar diberi perhatian kerana budaya bersukan membawa berbagai-bagai impak yang positif terutamanya dalam aspek penjagaan kesihatan diri. Oleh itu, masyarakat perlu mengetahui punca-punca amalan ini kian dilupakan. Persoalannya, apakah punca-punca rakyat Malaysia kurang membudayakan amalan bersukan?

Punca utama yang menjadi sebab masyarakat kurang membudayakan amalan bersukan ialah kesibukan bekerja. Hal ini dikatakan sedemikian kerana masyarakat kini lebih fokus dalam mengumpul harta kekayaan mereka sehingga tidak sempat melakukan apa-apa sukan di luar waktu bekerja. Masyarakat juga berpendapat bahawa amalan ini hanya membuang masa kerana tidak mendatangkan sebarang faedah kepada diri mereka walhal sudah dimaklumi oleh pihak kerajaan. Namun begitu, waka tersebut bagai mencurah air ke daun keladi. Contohnya, pekerjaan yang mempunyai masa bekerja yang tidak fleksibel seperti doktor menyebabkan mereka tidak mempunyai ruang dan peluang bagi menjalankan aktiviti bersukan seperti bermain bola sepak pada waktu petang. Implikasinya ialah kesihatan mental akan tergugat akibat sering berasa tertekan di tempat kerja sehingga mengebabkan seseorang menghadapi kemurungan dan stres yang melampau. Hal ini seterusnya boleh merenggangkan hubungan antara ahli keluarga yang dilibaratkan bagai isi dengan kuku. Jelaslah bahawa kesibukan bekerja merupakan punca utama masyarakat kini jarang bersukan.

Selain itu, kurangnya pendedahan daripada ibu bapa ialah satu punca rakyat kurang mengamalkan bersukan. Demikianlah kerana ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam membentuk jati diri anak-anak sejak kecil seperti peribahasa Melayu, melentur buluh biarlah dari rebungnya. Hal ini dikatakan demikian kerana anak-anak bagaikan kertas putih yang harus dicorak oleh ibu bapa sendiri dalam membina masyarakat yang membudayakan sukan dalam hidup mereka. Misalnya, ibu bapa sendiri tidak mengamalkan bersukan seperti tidak bermain sukan badminton pada waktu lapang dan lebih teruk lagi hanya meluangkan masa bermain peranti elektronik di rumah. Kesannya, anak-anak kehilangan suri teladan yang sepatutnya mereka contohi iaitu ibu bapa sekaligus melahirkan generasi muda yang ketagih bermain gajet yang boleh memudaratkan diri mereka sendiri. Apabila keadaan ini berlanjutan, sudah pasti negara akan kehilangan bakalatlet-atlet negara yang profesional dan berkebolehan untuk mengharumkan nama Malaysia di seantero dunia. Tegaslah bahawa ibu bapa kurang memberi pendedahan kepada anak-anak

# Suka sampel ini?

## Kertas Sebenar SPM 2025

8 subjek + kupasan mutu jawapan

- BM Kertas 1 & 2, BI Kertas 2 + Speaking, Sejarah Kertas 2 + SPMU
- Matematik, Matematik Tambahan, Fizik Kertas 1 & 2, Kimia Kertas 2, Bahasa Cina Kertas 1 & 2
- Bonus: Sains Kertas 1 & 2, Sejarah Kertas 1 + jawapan, cadangan jawapan Matematik Kertas 2, Kimia Kertas 3 + skema, Pendidikan Islam Kertas 1, SPMU 2026 BM & Sejarah

# RM34.90

**BELI SEKARANG >**

nightmew.com/p/kertas-sebenar-spm · FPX online banking · download serta-merta